

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	04 FEBRUARY 2017

## Isu BMF: Kit Siang hipokrit pertahan Dr. Mahathir

um-4/2/2017

**KOTA BHARU 3 Feb.** - Tindakan Lim Kit Siang memilih untuk mempertahankan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dikaitkan dengan skandal kewangan Bumiputra Malaysia Finance Ltd. (BMF) membuktikan Penasihat DAP itu seorang pemimpin yang hipokrit.

Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh berkata, Kit Siang merupakan individu yang paling lantang bersuara termasuk mendesak kerajaan menubuhkan suruhanjaya siasatan diraja (RCI) bagi menyiasat isu tersebut satu ketika dahulu.

Walau bagaimanapun, katanya, Ahli Parlimen Gelang Patah itu sanggup mengeneipkan prinsipnya sebelum ini semata-mata demi kepentingan politik.

“Apabila dikaitkan Dr. Mahathir dalam isu tersebut, Kit Siang membisu seribu kata. Jadi bermakna, perjuangan Kit Siang sebelum ini bukan untuk rakyat, bukan demi kepentingan negara sebaliknya berjuang untuk mendapatkan jawatan semata-mata.

“Jelas Kit Siang adalah pemimpin yang hipokrit dan kalau dalam Islam disebut munafik,” katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan khas serta pengumuman jentera Barisan Nasional (BN) Kota Bharu di sini malam tadi.

Baru-baru ini, Agensi Perisikan Pusat (CIA) Amerika Syarikat (AS) mendedahkan dokumen mengaitkan bekas Perdana Menteri itu dengan skandal kewangan BMF, namun sebagai maklum balas Dr. Mahathir menuduh perkara itu dibangkitkan kerana bermotifkan politik.

Dalam sidang akhbar di Pulau Pinang pada 25 Januari lalu, Kit Siang dilihat cuba mempertahankan Dr. Mahathir dengan menyatakan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) jauh lebih serius berbanding skandal BMF sekaligus mendakwa dokumen CIA tersebut tidak mengandungi se-



**MOHAMAD FATMI  
CHE SALLEH**

barang maklumat baharu.

Dalam perkembangan lain, Mohamad Fatmi yang juga Bendahari UMNO negeri berkata, BN yakin memperoleh kemenangan di sekurang-kurangnya 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) sekaligus menamatkan penguasaan 27 ta-

hun Pas di Kelantan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Katanya, keyakinan tersebut berdasarkan kesungguhan serta kerja kuat parti itu membantu rakyat selain dibantu perpecahan pembangkang.

“Bukan setakat 12 kerusi, mungkin akan bertambah dan membentuk kerajaan. Faktor yang UMNO tidak pernah berhenti bekerja untuk rakyat selain mempunyai jentera kukuh dilihat mampu memberi kelebihan kepada parti untuk menang pada PRU-14,” katanya.